

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 11 Ogos 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG SUKU TAHUN KEDUA 2021**

---

**Pendapatan transaksi e-dagang dan hasil sektor perkhidmatan  
meningkat 23.3 peratus dan 20.5 peratus pada suku kedua 2021**

**PUTRAJAYA, 11 OGOS 2021** – Pendapatan e-dagang Malaysia pada suku tahun kedua 2021 merekodkan RM267.6 bilion dengan peningkatan 23.3 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan transaksi e-dagang ini didorong terutamanya oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Prestasi hasil sektor perkhidmatan merekodkan pertumbuhan positif 20.5 peratus kepada RM404.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2020 berikutan kesan tahun asas perbandingan yang rendah, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 21.8 peratus kepada RM324.6 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan 14.7 peratus kepada RM59.5 bilion. Segmen Kesihatan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Segmen Profesional dan Ejen Hartanah juga mengalami tren yang sama iaitu masing-masing


merekodkan pertumbuhan 27.3 peratus kepada RM12.2 bilion dan 8.0 peratus kepada RM8.2 bilion.” (Carta 1 dan Carta 2).

Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 3.6 juta orang, merosot sebanyak 25,812 orang atau -0.7 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun lepas. Kemerosotan ini disebabkan oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dengan penurunan sebanyak 11,297 orang atau -2.4 peratus diikuti Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan seramai 6,127 orang atau -0.2 peratus. Sementara itu, segmen Kesihatan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi menyusut -1.7 peratus atau 4,772 orang. Segmen Profesional dan Ejen Hartanah juga menurun sebanyak 3,616 orang atau -2.0 peratus.


Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya, gaji dan upah yang dibayar meningkat 0.4 peratus atau RM100.5 juta. Peningkatan gaji dan upah ini disumbangkan oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dengan peningkatan sebanyak RM120.8 juta atau 2.8 peratus. Ini diikuti oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dan segmen Kesihatan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang masing-masing meningkat sebanyak RM9.3 juta dan RM3.0 juta.”

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Pertumbuhan Nilai Hasil Sektor Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (YoY), ST1 2019 – ST2 2021**



**Carta 2: Nilai Hasil Sektor Perkhidmatan, ST1 2019 – ST2 2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**11 OGOS 2021**

***Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, August 11, 2021***



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND**  
**E-COMMERCE INCOME, SECOND QUARTER 2021**

---

***Income of e-commerce transactions and revenue of services sector  
increased 23.3 per cent and 20.5 per cent in second quarter 2021***

***PUTRAJAYA, AUGUST 11, 2021*** – Malaysia's e-commerce income recorded RM267.6 billion with an increase of 23.3 per cent year-on-year in the second quarter 2021. The e-commerce transaction growth was driven mainly by manufacturing and services sectors. Due to the low base effect, the revenue of services sector recorded significant growth 20.5 per cent to RM404.5 billion compared to the same quarter in the previous year, Department of Statistics, Malaysia reports.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment increased 21.8 percent to RM324.6 billion. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment 14.7 percent to RM59.5 billion. Health, Education and Arts, Entertainment & Recreation segment and Professional and Real estate Agent segment experienced the same trend which recorded 27.3 per cent increase to RM12.2 billion and 8.0 per cent to RM8.2 billion respectively." (Chart 1 and


Chart 2).

*The number of persons engaged in this sector were 3.6 million persons, declined by 25,812 persons or -0.7 per cent as compared to the same period last year. This decrease was attributed by Information & Communication and Transportation & Storage segment which dropped 11,297 persons or -2.4 per cent, followed by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment 6,127 persons or -0.2 per cent. Meanwhile, Health, Education and Arts, Entertainment & Recreation segment fell -1.7 per cent or 4,772 persons. Professional and Real Estate Agent also declined 3,616 persons or -2.0 per cent.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "Compare to the same quarter of last year, salaries and wages paid increased by 0.4 per cent or RM100.5 million. The growth was contributed by Information & Communication and Transportation & Storage segment which increased RM120.8 million or 2.8 per cent. This was followed by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment and Health, Education and Arts, Entertainment & Recreation segment rose RM9.3 million and RM3.0 million respectively."*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

**Chart 1: Growth of Revenue Value of the Services Sector, Year-on-Year (YoY), Q1 2019 – Q2 2021**



**Chart 2: Revenue of the Services Sector, Q1 2019 – Q2 2021**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**  
**11 AUGUST 2021**